

# Pertemuan Anwar, 'chaebol' bakal tarik lebih banyak FDI

Lawatan rasmi PM atas jemputan Presiden Suk Yeol perkukuh lagi hubungan 2 hala

Daripada Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@mediaprima.com.my

di Korea Selatan



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan rasmi ke Korea Selatan bermula semalam hingga esok untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala ketika kedua-dua negara bersiap sedia merayakan 65 tahun hubungan diplomatik pada 2025.

Anwar dijangka mengadakan siri mesyuarat dengan 'chaebol' bagi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia.

Istilah chaebol merujuk kepada tokoh korporat atau ahli perniagaan yang mewakili konglomerat atau syarikat gergasi di Korea Selatan.

Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Mohd Zamruni Khalid, berkata pertemuan Perdana Menteri dengan chaebol adalah untuk memastikan lebih banyak pelaburan asing dapat dibawa masuk ke Malaysia.

"Siri pertemuan ini adalah usaha menarik lebih banyak FDI.

"Selain itu, ia juga adalah langkah untuk kukuhkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Korea Selatan," katanya pada

pertemuan dengan wakil media Malaysia di sini, semalam sempena lawatan kali pertama Perdana Menteri ke Korea Selatan atas jemputan Presiden Yoon Suk Yeol.

Perdana Menteri tiba di sini malam tadi bagi lawatan rasmi sehingga esok.

Mohd Zamruni berkata, konglomerat yang terbabit pada pertemuan itu nanti bukan jenama asing bagi pasaran Malaysia kerana sudah bertapak melalui pelbagai operasi perniagaan.

"Kebanyakan syarikat gergasi ini sudah bertapak di Malaysia dan mereka mempunyai banyak cawangan (di Malaysia).

"Katakanlah mereka melabur di Malaysia melalui cawangan (operasi) barangan elektronik, maka kita akan cuba tarik mereka melabur dalam bidang lain seperti kenderaan elektrik," katanya.

## Menilai hubungan dua hala

Hari ini, Perdana Menteri dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Suk Yeol di Pejabat Presiden yang terletak di Yongsan.

Kedua-dua pemimpin berpeluang menilai hubungan dua hala antara Malaysia dan Korea. Selatan yang telah berkembang maju dari segi skop dan inti pati sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1960.

Lawatan Perdana Menteri ke Korea Selatan turut diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Li Kang dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Anwar juga dijadualkan me-

nyampaikan ucapan khas bertajuk *Strategic Partners in a Complex World: Malaysia, Korea, and the Future of Asia* di Universiti Kebangsaan Seoul pada hari terakhir lawatannya.

Bagi perdagangan tahun ini, sehingga Oktober lalu, jumlah dagangan antara kedua-dua negara mencecah RM91.1 bilion dengan jumlah eksport Malaysia ke Korea Selatan sebanyak RM43.95 bilion, manakala import Malaysia dari republik berkenaan mencecah RM47.1 bilion.

Korea Selatan adalah rakan dagang ketujuh terbesar bagi Malaysia, manakala Malaysia adalah rakan dagang ke-11 terbesar bagi republik ini dengan jumlah pelaburan RM61 bilion melalui 616 projek.

Beliau berkata, selain pertemuan dengan chaebol, Perdana Menteri juga akan memberikan ucapan pada Forum Perniagaan yang dijangka dihadiri lebih 180 syarikat di Korea Selatan.

Dalam pada itu, Mohd Zamruni berkata, satu sesi turut diatur untuk Perdana Menteri bertemu Kesatuan Masyarakat Islam Korea (KMF), sebuah badan rasmi yang diiktiraf sebagai badan induk untuk mewakili masyarakat Islam di Korea Selatan.

Katanya, selain menyantuni KMF, peluang itu turut digunakan untuk menyumbang naskhah al-Quran dengan terjemahan bahasa Inggeris dan bahasa Korea untuk kegunaan KMF.

Kedua-dua pemimpin akan menyaksikan majlis pertukaran tiga memorandum persefahaman iaitu Kerjasama Pendidikan Tinggi, Kerjasama Pemerangkapan dan Penyimpanan Karbon dan Pendekatan Kerjasama di Bawah Artikel 6, Perenggan 2 Perjanjian Paris.